

## 1. Breakdown

If the vehicle, registered with **Etiqa Auto Assist (EAA)**, experiences breakdown, members are entitled for the following services:

### 1.a 24 Hours Roadside Repairs

EAA technicians will liaise with the member to determine whether his vehicle can be repaired on the roadside. Roadside repairs will be provided up to a maximum two hours of labour. EAA shall not be responsible for any costs incurred for any spare parts required during the repairs. (Subject to Availability)

### 1.b 24 Hours Towing Service

If the member's vehicle cannot be repaired on the roadside, EAA will provide free unlimited towing services to the nearest workshop chosen by EAA. If the member chooses another workshop and the distance between the breakdown location and the chosen workshop is more than 50 km, he shall bear additional distance charges at the rate of RM 3.00 per km.

## 2. Onward Benefits (Limited to three times a year)

If the vehicle, registered with EAA, experiences a breakdown and it cannot be repaired on the roadside, members are entitled for the following services:

### 2.a Taxi

EAA will assist the member in organizing Taxi transportation for him to continue his journey. Members are entitled for reimbursement of Taxi costs up to RM 60\*.

The member will entitle for the following services only if his stranded vehicle is 100 km away from his place of residence and repairs to the vehicle will take more than 48 hours. (Subject to Availability)

### 2.b Car Rental

EAA will assist the member in organizing Car Rental for him to continue his journey. Members are entitled for reimbursement of Car Rental costs up to RM 400\*.

### 2.c Hotel Accommodation

EAA will assist the member in organizing Hotel Accommodation when he is in distress. Members are entitled for reimbursement of Hotel Accommodation costs up to RM 400\*.

## 3. Accident

If the vehicle, registered with EAA, experiences an accident, EAA will organize the towing of the member's vehicle to the nearest workshop chosen by EAA.

## 4. Emergency Medical Assistance

If a medical emergency arises following a breakdown or an accidents, EAA will organize an ambulance or other means of transportation to send the member to the nearest medical centre or hospital. EAA shall not be responsible for any transportation cost.

## 5. Singapore and Thailand Assistance

If the vehicle, registered with EAA, experiences a breakdown or an accident while in Singapore or Thailand, members are entitled for the following services:

### 5.a 24 Hours Towing Service

EAA will provide free towing services to the nearest workshop chosen by EAA within Singapore or Thailand.

### 5.b Vehicle Repatriation to Malaysia

EAA could assist the member in organizing the repatriation of his vehicle to Malaysia. EAA shall not be responsible for any repatriation costs.

If you are in Singapore or Thailand please call +60 3 6207 4338

## 6. Friends and Family Assistance

If any member of EAA happens to be with his friends or family when they are experiencing a vehicle breakdown, his friends or family are entitled to the following services:

### 6.a 24 Hours Roadside Repairs

EAA will organize to send a technician on the roadside to attempt to repair the stranded vehicle. EAA shall not be responsible for any labour or spare parts costs incurred during the repair. (Subject to Availability)

### 6.b 24 Hours Towing Service

If the vehicle cannot be repaired on the roadside, EAA will organize the towing of the vehicle to the nearest workshop chosen by EAA. All cost incurred during the assistance shall be borne by the member and/or his friends or family.

\*Original Receipts must be kept, Reimbursement procedure will be given to the Member after the Assistance.

**New Etiqa Auto Assist No.:**  
**1800 80 6491**

## 1. Kerosakan

Jika kenderaan yang berdaftar dengan **Etiqa Auto Assist (EAA)** mengalami kerosakan, ahli layak mendapat bantuan berikut:

### 1.a Bantuan Pembaikan Kerosakan Di Sisi Jalan 24 Jam

Juruteknik EAA akan menentukan sama ada kenderaan ahli boleh dibaiki di sisi jalan. Kerja-kerja membaiki ini disediakan sehingga tempoh maksimum 2 jam. EAA tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kos yang ditanggung untuk sebarang alat ganti yang diperlukan semasa pembaikan. (Perkhidmatan ini tertakluk kepada keadaan)

### 1.b Perkhidmatan Tundaan 24 Jam

Jika kenderaan ahli tidak boleh dibaiki di sisi jalan, EAA akan menyediakan bantuan tundaan percuma tanpa had jarak ke bengkel terdekat yang ditentukan oleh EAA.

Jika ahli memilih bengkel lain dan jarak antara lokasi kerosakan dan bengkel pilihan ahli melebihi 50 km, beliau hendaklah menanggung caj tambahan pada kadar RM 3.00 setiap kilometer tambahan selepas 50 km pertama.

## 2. Faedah Meneruskan Perjalanan (Terhad kepada tiga kali setahun)

Jika kenderaan yang berdaftar dengan EAA mengalami kerosakan dan tidak boleh dibaiki di sisi jalan, ahli layak untuk mendapatkan perkhidmatan berikut:

### 2.a Teksi

EAA akan membantu mengaturkan perkhidmatan Teksi untuk ahli meneruskan perjalanannya. Ahli layak mendapat bayaran ganti kos pengangkutan Teksi ini sehingga RM 60\*.

Ahli juga layak mendapat perkhidmatan berikut jika kenderaan beliau terkandas 100 kilometer daripada tempat kediamannya dan pembaikan kenderaannya mengambil masa lebih daripada 48 jam. (Perkhidmatan ini tertakluk kepada keadaan)

### 2.b Sewa Kereta

EAA akan membantu mengaturkan penyewaan kereta untuk ahli meneruskan perjalanannya. Ahli juga layak mendapat bayaran ganti kos sewa tersebut sehingga RM 400\*.

### 2.c Penginapan Hotel

EAA akan membantu mengaturkan penginapan hotel kepada ahli dalam kesulitan. Ahli juga layak mendapat bayaran ganti kos penginapan hotel tersebut sehingga RM 400\*.

## 3. Kemalangan Kereta

Jika kenderaan yang berdaftar dengan EAA mengalami kemalangan, EAA akan mengaturkan bantuan tundaan untuk kenderaan ahli ke bengkel terdekat yang ditentukan oleh EAA.

## 4. Bantuan Perubatan Kecemasan

Jika timbul kecemasan perubatan akibat kerosakan atau kemalangan kenderaan ahli, EAA akan mengaturkan ambulans atau kaedah pengangkutan lain untuk menghantar ahli ke pusat perubatan atau hospital yang terdekat. EAA tidak akan menanggung sebarang kos pengangkutan tersebut.

## 5. Bantuan Singapura dan Thailand

Jika kenderaan yang berdaftar dengan EAA mengalami kerosakan atau kemalangan sewaktu berada di Singapura atau Thailand, ahli layak mendapatkan perkhidmatan berikut:

### 5.a Perkhidmatan Tundaan 24 Jam

EAA akan menyediakan perkhidmatan tundaan percuma ke bengkel terdekat yang ditentukan oleh EAA di dalam Singapura atau Thailand.

### 5.b Penghantaran Pulang Kenderaan ke Malaysia

EAA boleh membantu ahli mengaturkan penghantaran pulang kenderaannya ke Malaysia. EAA tidak akan menanggung sebarang kos penghantaran tersebut.

Sekiranya anda berada di Singapura atau Thailand sila hubungi +60 3 6207 4338

## 6. Bantuan untuk Rakan dan Keluarga

Jika ahli EAA ada bersama-sama dengan rakan-rakan atau keluarganya semasa mengalami kerosakan kenderaan mereka, mereka layak mendapatkan perkhidmatan berikut:

### 6.a Bantuan Pembaikan Kerosakan Di Sisi Jalan 24 Jam

EAA akan mengaturkan juruteknik untuk cuba membaiki kenderaan tersebut. EAA tidak akan menanggung sebarang kos buruh atau alat-alat ganti yang ditanggung sewaktu pembaikan tersebut. (Perkhidmatan ini tertakluk kepada keadaan)

### 6.b Perkhidmatan Tundaan 24 Jam

Jika kenderaan tersebut tidak boleh dibaiki di sisi jalan, EAA akan mengaturkan bantuan tundaan ke bengkel terdekat yang ditentukan oleh EAA. Semua kos bantuan tersebut akan ditanggung oleh ahli atau rakan-rakannya atau ahli keluarganya.

\*Resit asal hendaklah disimpan. Prosedur penggantian kos akan dimaklumkan kepada ahli selepas bantuan diberikan.